



BERITA MBBJ

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
EDISI: MAC 2016 M / JAMADILAKHIR 1437H

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG EFISIEN DAN MESRA KEPADA PELANGGAN

FESTIVAL HARI KEPUTERAAN 2016

Tarik Kehadiran Warga Bandar Raya



JOHOR BAHRU, 23 Mac 2016 – Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya ke-22 tahun ini, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan penganjur bersama, Rizs Management telah mengadakan Festival Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Banyak acara serta program menarik diadakan bagi memeriahkan sambutan hari bersejarah tersebut.

Penganjuran festival selama 11 hari, iaitu bermula pada 24 Mac 2016 hingga 3 April 2016 itu bertujuan meraikan Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor, dan memberi peluang kepada warga kota untuk lebih

mengenal pentadbiran MBBJ di samping memberikan maklumat dan perkhidmatan secara langsung kepada masyarakat. Ia juga sebagai salah satu usaha untuk mempromosi bandar raya Johor Bahru dan untuk menjadikan sambutan ini sebagai acara tahunan yang diraikan rakyat Johor.

Antara program dan acara menarik yang diatur khas untuk pengunjung yang hadir ialah Malam Penghayatan Islam bersama Hafiz Hamidun dan PU Hafiz dan Majlis Tahlil Almarhum Tunku Laksamana Johor, Konsert Pentas Best FM dan Majlis Perasmian Festival Hari Keputeraan, Bintang Bandar Raya, Teratak Fest, Pameran Agensi, Pertandingan *Treasure Hunt* Jejak Warisan Puteri, Pertandingan *JB Chess Master*, Pertandingan Memancing, *Grand Car Free Day*, *JB Buskers Challenge* dan banyak lagi.

Turut diadakan, jualan cenderamata edisi khas sempena kemahkotaan DYMM Sultan Johor berupa baju *T-shirt*, payung, pelbagai jenis beg termasuk beg sandang dan beg komputer riba, *power bank* edisi khas, jam tangan, jam dinding, termos dan banyak lagi.



PERASMIAN FESTIVAL HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR 2016

JOHOR BAHRU, 26 Mac 2016 – Majlis Perasmian Festival Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor 2016 telah disempurnakan oleh wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor, Dato' Ismail bin Karim, Setiausaha Kerajaan Johor. Turut hadir memeriahkan majlis tersebut ialah Y.Bhg Tuan Haji A.Rahim bin Haji Nin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Tuan Haji Abdul Aziz bin Tohak selaku Ketua WHIP Ahli Majlis, Ahli-ahli Majlis MBBJ serta barisan jemputan dif kehormat.



Pada malam perasmian itu juga, diadakan Gimik Perasmian Sempena Festival Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor serta majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang bagi Pertandingan Keceriaan, Keindahan & Landskap MBBJ dan Cabutan Bertuah Cukai Harta MBBJ 2015.

Acara pada malam perasmian itu juga diserikan dengan persembahan artis jemputan iaitu Dato' AC Mizal & Peace Yall.fm dan turut diadakan Konsert Pentas Best FM dengan menampilkan persembahan artis seperti Caliph Buskers, Asfan, Indah Ruhaila, dan ramai lagi.

Setiausaha Kerajaan Johor, Dato' Haji Ismail bin Karim bergambar bersama para pemenang Cabutan Bertuah Cukai Harta 2015.



Setiausaha Kerajaan Johor, Dato' Haji Ismail bin Karim (berdiri tengah) menyempurnakan perasmian Festival Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor bagi edisi 2016.



SEKITAR...

**PROGRAM ANJURAN MBJB
SEMPENA FESTIVAL HARI KEPUTERAAN
DYMM SULTAN JOHOR 2016**

Tahniah dan syabas kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah bersama-sama menayakan Festival Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor Edisi 2016!



Treasure Hunt Jejak Warisan Puteri
Urus Setia: Jabatan Bangunan

**Jualan Cenderamata Sempena
Kemahkotaan**
Urus Setia: Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan &
Jabatan Pelesenan



Pertandingan JB Chess Master
Urus Setia: Jabatan Kesihatan



Bintang Bandaraya
Urus Setia: Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan





SEKITAR...

PROGRAM ANJURAN MBJB SEMPENA FESTIVAL HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR 2016

Tahniah dan syabas kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah bersama-sama menjayakan Festival Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor Edisi 2016!



Grand Car Free Day

Urus Setia: Jabatan Perancangan Pembangunan

JB Fun Run

Urus Setia: Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan



JB Urban Fun Nite Ride

Urus Setia: Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan



DIARI LAWATAN



Lawatan dari Majlis Perbandaran Sandakan

Tarikh: 7 Mac 2016

Objektif: Mempelajari tentang pembersihan bandar, landskap (Taman Awam), penguatkuasaan Undang-undang Kecil PBT, pelancongan, pelesenan, dan program pembasmian kemiskinan.

Jabatan Terlibat: Jabatan Pelesenan, Jabatan Landskap, Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan Yayasan Bandaraya (YBJB).

Jumlah Peserta: 30 orang

Lawatan dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Tarikh: 9 Mac 2016

Objektif: Mempelajari Sistem EDMS di MBBJ dan maklumat tentang penubuhan Unit Polis Bantuan di MBBJ.

Jabatan Terlibat: Bahagian Undang-undang, Bahagian Teknologi Maklumat dan Jabatan Penilaian.

Jumlah Peserta: 20 orang



Lawatan dari Dewan Bandaraya Kuching Utara

Tarikh: 21 Mac 2016

Objektif: Mempelajari tentang pengurusan penjaja pasar malam dan Luton Van Statik.

Jabatan Terlibat: Jabatan Pelesenan

Jumlah Peserta: 13 orang

Lawatan dari Majlis Perbandaran Seremban

Tarikh: 27 Mac 2016

Objektif: Berkongsi maklumat tentang tindakan yang dilaksanakan oleh Bahagian Undang-undang dan Penguatkuasaan MBBJ, termasuk tindakan pendakwaan dan tindakan penguatkuasaan di MBBJ.

Jabatan Terlibat: Bahagian Undang-undang dan Bahagian Penguatkuasaan.

Jumlah Peserta: 45 orang

DIARI KURSUS



Program Transformasi Negara Kakitangan Awam MBBJ

Tarikh: 1 Mac 2016 hingga 3 Mac 2016

Objektif: Membimbing dan membentuk perilaku positif di samping memahami peranan anggota sebagai kakitangan awam, dan boleh mengaplikasikan prinsip motivasi dalam tugas seharian dan peranan semua ahli dalam satu pasukan ke arah peningkatan produktiviti jabatan.



Seminar Pengurusan Kewangan

Tarikh: 21 Mac 2016

Penceramah: Encik Vijayadurai Singgatore dari Bank Negara Malaysia dan Encik Yasir bin Salam dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Objektif: Memberi pendedahan kepada peserta mengenai peluang-peluang yang mampu diterokai untuk mengubah gaya hidup dan menyuntik semangat bagi menceburkan diri dalam bidang perniagaan.



Kursus Penjenamaan Semula Perpustakaan

Tarikh: 8 Mac 2016 hingga 10 Mac 2016

Penceramah: Encik Azhar bin Mohd Noor dari *Petronas Petroleum Resource Centre*

Objektif: Mengkaji dan menyelaras semula struktur fungsi dan perkhidmatan sedia ada di perpustakaan agar bersesuaian dengan keadaan semasa serta meningkatkan imej Perpustakaan Sultan Ismail.

Bengkel Jom Koreksi Solat Siri 2

Tarikh: 19 Mac 2016

Objektif: Sebagai wadah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga kerja dan pimpinan MBBJ dan memupuk budaya cintakan ilmu dalam kalangan warga kerja MBBJ, di samping memperbaiki kaedah pelaksanaan rukun solat yang sempurna kepada anggota.

Bengkel 'Certificate In Global Customer Communication Skills'

Tarikh: 27 Mac 2016 hingga 29 Mac 2016

Penceramah: Dr. Ellen Chandra dari *Elnet Training Academy*

Objektif: Memberi kefahaman mengenai asas-asas serta kaedah yang berkesan sama ada dari segi percakapan dan penulisan dan meningkatkan keupayaan peserta untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan tempat kerja melalui latihan kemahiran berbahasa dan komunikasi dalam simulasi tugas.

LOCAL AGENDA 21 (LA 21)



**Bengkel Mudball Zon Kg. Melayu Majidee di Sg. Sebulong
Tarikh: 5 Mac 2016**



**Maulidur Rasul Zon Larkin di Kg. Sri Paya Larkin
Tarikh: 5 Mac 2016**




**Maulidur Rasul Zon Taman Johor di Taman Putra
Tarikh: 5 Mac 2016**



**Gotong-royong Denggi Zon Bandar Baru Uda
Tarikh: 12 Mac 2016**



**Maulidur Rasul Zon Pandan di Taman Sri Pandan
Tarikh: 18 Mac 2016**



**Gotong-royong Penjaja di Gerai Batu 4 1-2, Jalan Skudai
Tarikh: 28 Mac 2016**

MBJB SANA SINI



PETUNJUK:

1. Perasmian UTC di Galleria@Kotaraya
Tarikh: 6 Mac 2016

3. Jamuan Teh Sempena Hari Keputeraan 2016 di Dataran
Bandaraya
Tarikh: 23 Mac 2016

2. Sukan Johor 2016 di Muar
Tarikh: 9 Mac 2016

4. Perasmian Galeri Cenderamata Sempena Hari
Keputeraan 2016
Tarikh: 23 Mac 2016

SIDANG PENGARANG BERITA MBJB (NEWSLETTER)

KETUA PENGARANG
Haji Azmi bin Miswan

KETUA UNIT EDITORIAL
Abdul Hafiedz bin Abdul Ghazali

SIDANG EDITORIAL
Finadania Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO
Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA
Unit Penerbitan & Dokumentasi,
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

No. Tel : 07 - 219 8062
Faks : 07 - 223 6464
E-mel : penerbitan.mbjb@gmail.com

BERITA MBJB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara **PERCUMA**. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda.

Sila hantarkan cetusan idea anda kepada:

Unit Penerbitan dan Dokumentasi,
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.



JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

WAKTU OPERASI

PEJABAT UTAMA MBJB & JOTIC

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 - 219 8000

WAKTU OPERASI KAUNTER

KAUNTER SETEMPAT MBJB

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBJB)

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 - 386 1535

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBJB)

HARI	JAM
SETIAP HARI	8.30 PAGI – 9.30 MALAM
WAKTU REHAT	7.00 – 8.00 MALAM (SABTU – KHAMIS) & 12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG (JUMAAT)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 - 351 1503

KAUNTER BERGERAK (e-NOBAS)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBJB)

SILA LAYARI LAMAN WEB MBJB (www.mbjb.gov.my) UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI	
NO. TELEFON	07-219 8077 (Waktu Pejabat) 019 - 720 3290 (Waktu Urusan Kaunter Bergerak)